

BAHAGIAN A

[40 markah]

*Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D. Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- Iman yang kurang mantap.
- Terdapat tempat pemujaan.
- Ingin mencari jalan mudah untuk menjadi kaya.

1 Perkara di atas merujuk kepada faktor perbuatan_____.

- A sihir
- B syirik
- C riddah
- D khurafat

- Kadar jenayah meningkat.
- Mengganggu ketenteraman hidup.
- Negara tidak stabil.

2 Pernyataan di atas **benar** mengenai kesan perbuatan _____.

- A menipu
- B mencuri
- C memfitnah
- D mengumpat

3 Mengapakah Allah SWT mengenakan hukuman yang amat berat kepada orang yang merompak?

- I Pengajaran kepada masyarakat
- II Meruntuhkan institusi kekeluargaan
- III Menghilangkan kepercayaan masyarakat
- IV Pengajaran kepada orang yang melakukannya

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- 4 Ciri-ciri berikut adalah pegangan golongan Khawarij **kecuali**
- A beriktikad bahawa pelaku dosa besar adalah kafir.
 - B membataskan sumber syariat hanya kepada al- Quran sahaja.
 - C beriktikad kedudukan pelaku dosa besar berada antara keimanan dan kekufuran .
 - D mengkafirkan serta menghalalkan darah semua umat Islam yang berbeza iktikad dengan mereka.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Beriktikad bahawa alam bersifat qadim • Solat secara niat tanpa rukun qauli dan fi'li |
|--|

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri kesesatan ajaran _____.
- A Qadiani
 - B Taslim
 - C Bahai
 - D Syiah
- 6 Orang yang tidak taat kepada Allah SWT dan rasul-Nya dengan melakukan dosa besar atau berterusan melakukan dosa kecil ialah pengertian _____.
- A 'asi
 - B munafik
 - C musyrik
 - D fasik

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Penerima dan pemberi hutang. • Barang yang diberi hutang. • Akad pemberian hutang. |
|--|

- 7 Pernyataan di atas menerangkan tentang _____.
- A rukun hutang
 - B syarat sah hutang
 - C larangan dalam berhutang
 - D perkara yang membatalkan hutang

- 8 Menyembelih tanpa membaca basmalah adalah perkara _____ semasa sembelihan.
- A sunat
B harus
C haram
D makruh
- 9 Dam yang dibayar mengikut susunan ialah pengertian dam _____.
- A tertib
B takdil
C takdir
D takhyir
- 10 Pilih susunan wali nikah yang betul.
- A bapa → datuk → saudara lelaki seibu sebapa → saudara lelaki seibu
B bapa → datuk → saudara lelaki seibu sebapa → saudara lelaki sebapa
C datuk → bapa → saudara lelaki seibu sebapa → saudara lelaki sebapa
D datuk → bapa → saudara lelaki seibu sebapa → saudara lelaki seibu
- 11 Antara yang berikut yang manakah hikmah walimatulurus ?
- A Memulia dan mengiktiraf kaum wanita.
B Mengisytiharkan pasangan suami isteri yang sah.
C Melambangkan rasa kasih sayang antara suami dan isteri.
D Melahirkan keikhlasan suami isteri untuk hidup bersama.
- Suami isteri tidak boleh rujuk dalam tempoh idah.
 - Boleh berkahwin semula dengan akad dan mahar yang baru.
- 12 Pernyataan di atas merujuk kepada kesan _____.
- A talak tiga
B zihar
C fasakh
D talak raj'i
- 13 Khalifah _____ telah memerangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat dan nabi palsu.
- A Abu Bakar Al-Siddiq radiallahuanhu
B Umar Bin Al-Khattab radiallahuanhu
C Usman Bin Affan radiallahuanhu
D Ali Bin Abu Talib radiallahuanhu

14 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai al-fai'.

- A Cukai yang dikenakan kepada kafir zimmi dalam negara Islam.
- B Cukai tanah ke atas pemilik bukan Islam dalam negara Islam.
- C Harta rampasan daripada orang kafir harbi tanpa peperangan.
- D Harta yang diperolehi daripada orang bukan Islam melalui peperangan.

15 Berikut ialah perjuangan HAMKA **kecuali**

- A mengetuai Front Pertahanan Nasional.
- B mendirikan Pusat Latihan Dakwah Muhammadiyah.
- C melancarkan penentangan terhadap bidaah dan khurafat.
- D melancarkan serangan menentang penjajah Inggeris di Indonesia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pusat sumber• Pusat penterjemahan• Pusat penyelidikan ilmiah• Pusat latihan para ilmuan• Pusat pertemuan para sarjana |
|---|

16 Pernyataan di atas merujuk kepada kegiatan _____ dalam bidang pendidikan.

- A Kuttab
- B Baitulmal
- C Baitul Hikmah
- D Darul Hikmah

17 Antara yang berikut yang manakah **bukan** faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyah ?

- A Kegawatan ekonomi.
- B Kelemahan pemerintah.
- C Perselisihan aliran fahaman keagamaan.
- D Mendapat tekanan daripada pihak kerajaan.


- Tertumpu kepada aktiviti lasak.
- Melibatkan ketahanan fizikal dan mental.

- 18 Pernyataan di atas merujuk kepada rekreasi jenis _____.
- A aktif
 - B pasif
 - C rohani
 - D jasmani
- 19 Pilih pernyataan yang menunjukkan makruh bermusafir.
- A Menziarahi orang sakit.
 - B Bersiar-siar tanpa tujuan.
 - C Menunaikan umrah di Mekah.
 - D Membeli belah bersama keluarga.
- 20 Antara yang berikut yang manakah adab bernegara ?
- A Menjaga nama baik negara.
 - B Memenuhi kehendak peribadi.
 - C Mewujudkan hubungan silaturrahim.
 - D Memberi maklumat penting kepada negara lain.


Soalan 21 hingga Soalan 29.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Taubat merupakan satu cara seseorang untuk _____ kepada Allah SWT.
- 22 Hukum melakukan perbuatan qazaf ialah _____.
- 23 Orang yang melakukan perbuatan _____ adalah lebih dahsyat daripada membunuh.




- 24 **X** dalam rajah di atas ialah _____.
- 25 Riba _____ ialah pertambahan yang diperolehi kerana menangguhkan tempoh pembayaran.



- 26 **Y** dalam rajah di atas ialah _____.
- 27 Orang yang tidak beragama digelar sebagai _____.

- Niat
- Wukuf
- Tawaf
- Saie
- Bercukur
- Tertib

28 Pernyataan di atas merujuk kepada _____ haji.



29 **Z** dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 30 hingga soalan 32

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah berkaitan dengan permasalahan rumah tangga.

Talak	Khuluk	Li'an	Zihar
-------	--------	-------	-------

30 Perbuatan yang diharuskan oleh Islam tetapi dibenci oleh Allah SWT _____.

31 Menyamakan isteri atau mana-mana anggota isteri dengan ibu atau mana-mana perempuan yang mahram bagi suami . _____.

32 Sumpah suami dan isteri yang disertai dengan laknat daripada Allah SWT. _____.

Soalan 33 hingga soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 33 Kegiatan penulisan, _____ dan pembinaan perpustakaan telah mewujudkan beberapa disiplin ilmu yang dikenali sebagai al-Tadwin..
- 34 Kitab Imam Abu Hanifah rahimahullah yang berkaitan harta pusaka ialah _____.
- 35 Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah digelar _____ kerana menghafaz lebih daripada 700,000 hadis dan mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ilmu hadis..
- 36 Kota _____ adalah pusat perdagangan terkenal pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah.
- 37 Sheikh Tahir Jalaluddin telah menyambung pelajarannya di Universiti al-Azhar dalam jurusan ilmu _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.

Pencemaran tanah	Pencemaran udara	Pencemaran bunyi	Pencemaran air
------------------	------------------	------------------	----------------

- 38 Kesan daripada sisa bahan buangan kilang, tumpahan minyak dan penerokaan hutan secara berleluasa menyebabkan punca berlakunya _____.
- 39 Penggunaan racun serangga secara berlebihan mengakibatkan _____.
- 40 Kerja-kerja pembinaan bangunan dan kuari menyebabkan berlakunya _____.

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada soalan 3 atau soalan 4.*

- 1 (a) Islam mengharamkan zina dan semua perbuatan yang mendorong kepada zina.
- (i) Apakah maksud zina? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan kesan buruk perbuatan zina. [2 markah]
 - (iii) Cadangkan langkah untuk mengatasi perbuatan zina daripada berleluasa dalam masyarakat dan huraikan. [4 markah]
- (b) Ahli Sunah Waljamaah muncul setelah berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam.
- (i) Nyatakan maksud Ahli Sunah Waljamaah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** prinsip Ahli SunahWaljamaah. [4 markah]
- (c) Ajaran Qadiani dan Bahai adalah ajaran yang menyeleweng daripada ajaran Islam.
- (i) Siapakah pengasas ajaran sesat Qadiani dan Bahai ? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan perbezaan ciri kesesatan antara ajaran Qadiani dan Bahai dari aspek : [4 markah]
 - (a) Pengasas
 - (b) Malaikat
- 2 (a) Amalan insurans (takaful) diharuskan dalam Islam.
- (i) Apakah maksud insurans? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan **dua** jenis insurans. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** tujuan diadakan insurans. [4 markah]

- (b) Merisik dan meminang merupakan langkah awal dalam mendirikan rumah tangga.
- (i) Nyatakan maksud meminang? [2 markah]
 - (ii) Islam melarang pergaulan bebas dalam tempoh pertunangan. Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [4 markah]
- (c) Ibu bapa wajib melaksanakan tanggungjawab mendidik anak-anak.
- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab ibu bapa terhadap anak yang baru lahir. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kesan pengabaian tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak. [4 markah]
- 3 (a) Khulafa al-Rasyidin telah membuat beberapa pembaharuan dalam sistem pentadbiran negara.
- (i) Nyatakan **dua** dasar pentadbiran Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Ibnu Khaldun adalah tokoh sejarawan yang unggul.
- (i) Senaraikan **dua** jawatan yang pernah disandang oleh Ibnu Khaldun. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan sumbangan beliau dalam bidang ilmu dan pemikiran Islam. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** adab dengan Rasulullah SAW. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan tidak mengamalkan sunah baginda. [4 markah]
 - (iii) Senaraikan **dua** sumber berfikir. [2 markah]
 - (iv) Jelaskan cara berfikir menurut Islam. [2 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
- (ii) Terangkan iktibar sejarah kegemilangan Kerajaan Abbasiyah terhadap umat Islam. [2 markah]
- (b) Imam Bukhari rahimahullah merupakan tokoh hadis terkenal.
- (i) Nyatakan **dua** riwayat hidup beliau. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan keistimewaan kitab Sahih al-Bukhari. [2 markah]

- (c) (i) Senaraikan **dua** jenis sedekah yang dianjurkan dalam Islam. [2 *markah*]
- (ii) Nyatakan **dua** adab bersedekah. [2 *markah*]
- (iii) Jelaskan adab berjual-beli. [2 *markah*]
- (iv) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan adab berniaga dalam Islam. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT